

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 27 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L11066
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah unjuran guna tenaga teknikal kejuruteraan, sains dan teknologi yang diperlukan oleh para pelabur baru 2024 memandangkan kenyataan Kerajaan terpaksa menggunakan tenaga kerja mahir asing yang memberi kesan defisit peluang pekerjaan graduan tempatan.
2. PN-1531-L11237
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini pemasangan panel solar di bangunan Parlimen dan pejabat Kerajaan.
3. PN-1531-L11410
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan aspek kepakaran yang akan disandarkan kepada Angkatan Masa Hadapan yang dipertanggungjawabkan untuk menangkis sebarang ancaman bukan tradisional khususnya yang melibatkan pencerobohan ruang siber Kerajaan yang boleh mendedahkan kerahsiaan keselamatan negara kepada puak asing yang berselindung di sebalik sesuatu kegiatan penggodaman.
4. PN-1531-L10847
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan terkini di pihak Kerajaan dalam memastikan industri baharu seperti Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) dapat dilaksanakan di Malaysia selari dengan agenda Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

5. PN-1531-L10872
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah projek menaik taraf Jalan Perhubungan Desa (JPD) yang telah dilaksanakan pada 2023 dan projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2024 di Sarikei, Sarawak.
6. PN-1531-L10916
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pembinaan *land bridge* yang akan menghubungkan lautan Andaman dengan *Gulf of Thailand* bernilai USD2.8 billion dan diluluskan oleh Parlimen Thailand. Adakah ini akan menjejaskan bilangan kapal yang berlabuh di Malaysia serta apakah perancangan Malaysia untuk menangani kesan ini.
7. PN-1531-L10719
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pelan tindakan Kementerian untuk mengembangkan sektor tenaga hidrogen negara pada tahun ini.
8. PN-1531-L11233
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pencarum skim KWSP yang berusia melebihi 50 tahun pada tahun ini yang mempunyai simpanan yang mencukupi.
9. PN-1531-L11163
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai yang melibatkan pakej 'Lebuhraya Rakyat'.
10. PN-1531-L10655
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah pencapaian setakat ini dalam tiga sektor pemangkin digitalisasi iaitu pembangunan ekonomi digital, Kerajaan digital dan masyarakat digital serta apakah nilai-nilai panduan yang hendak ditanam dalam kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara digital.
11. PN-1531-L10825
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina klinik kesihatan di Kampung Data Kakus Tatau Sarawak yang masih belum mempunyai klinik kesihatan sehingga ke hari ini.

12. PN-1531-L10669

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan merancang untuk memperkukuhkan integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat pendidikan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyokong dan memperkukuhkan latihan guru serta meningkatkan profesionalisme mereka.

13. PN-1531-L10765

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan bahawa tatacara dan Prosedur Operasi Standard dalam mencadangkan taraf warisan dunia sesuatu unsur di negara ini diikuti dan dipatuhi supaya tidak ada pernyataan yang pramatang dikeluarkan.

14. PN-1531-L11107

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam melindungi kebajikan petugas hospital awam seperti doktor, pembantu perubatan, jururawat mahupun pemandu ambulans yang *burnout* dan terlalu letih akibat terpaksa bekerja lebih masa berikutan isu kekurangan petugas di hospital awam.

15. PN-1531-L10984

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penilaian terhadap langkah-langkah sedia ada menghapuskan kes penipuan *scammer* dalam talian yang melibatkan kerugian kewangan dan apakah langkah-langkah baharu Kementerian dalam menangani masalah ini.

16. PN-1531-L11024

Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan persediaan Kerajaan untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan data raya bagi mengatasi masalah banjir dan apakah bentuk mitigasi yang lebih jitu sedang dirangka di bawah Kementerian bagi mengurangkan risiko bencana di Malaysia.

17. PN-1531-L11046

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah DBKL selama ini melaksanakan pemantauan serius terhadap tindak tanduk pegawai penguatkuasa, warden trafik atau kakitangan tetap DBKL yang melakukan kerja separuh masa seperti berniaga *bundle* secara dalam talian dan memandu *e-hailing* memandangkan ia boleh menjejaskan keterampilan diri sewaktu bertugas.

18. PN-1531-L11356

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan pemberian *Universal Basic Income* (U.B.I) iaitu pemberian bantuan kewangan terjamin secara bulanan kepada semua rakyat Malaysia yang layak, sebagai kesinambungan kepada dua inisiatif yang telah dilancarkan baru-baru ini iaitu *MyDigital ID* dan Pangkalan Data Utama (PADU), memandangkan terdapat hubung kait yang kuat antara ketiga-tiga perkara tersebut.

19. PN-1531-L11295

Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan merancang untuk mengimbangi faedah ekonomi perlombongan unsur nadir bumi (REE) dengan kesan alam sekitar dalam jangka masa panjang ke atas ekosistem hutan dan biodiversiti yang berkaitan sekiranya melibatkan Hutan Simpan Kekal (HSK) negara.

20. PN-1531-L10735

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif khas oleh pihak Kerajaan bagi membantu setiap keluarga muda untuk memiliki sekurang-kurangnya empat orang anak berikutan indeks kesuburan rakyat Malaysia pada masa ini adalah yang terendah dalam kalangan negara-negara di rantau ini.

21. PN-1531-L11085

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan peranan dan tindakan agresif Kementerian bagi mengatasi masalah isu makanan asas seperti beras dan minyak yang sering mengalami masalah bekalan.

22. PN-1531-L10834

Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penambahbaikan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian terhadap ketelusan sistem yang mengendalikan proses membida nombor pendaftaran kenderaan dalam aplikasi JPJeBid.

23. PN-1531-L11350

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana keseriusan gejala penyakit mental yang dialami oleh rakyat Malaysia dan apakah punca serta usaha-usaha mengatasinya.

24. PN-1531-L11377

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah program-program Kementerian untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat di Malaysia.

25. PN-1531-L11321

Senator Datuk Razali bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan awam yang mempunyai pendapatan bulanan kurang RM3,000, jumlah kakitangan awam yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM3,001 hingga RM5,000, jumlah kakitangan awam yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM5,001 hingga RM10,000 dan jumlah kakitangan awam yang mempunyai pendapatan bulanan RM10,001 dan ke atas.

26. PN-1531-L11035

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyerahkan pengurusan ladang Tanam Semula Komersial (TSK) pokok kelapa sawit kepada syarikat-syarikat Orang Asli tempatan yang berkemampuan untuk diusahakan selain bergantung kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

27. PN-1531-L10958

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah persiapan yang dilakukan oleh Kementerian pada tahun ini untuk melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun 2025.

28. PN-1531-L11142

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan kaedah pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar bagi penggunaan petrol Ron95. Bagaimanakah perkara ini akan dilakukan dengan adanya sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan apakah garis masa pelaksanaan perkara ini.

29. PN-1531-L10862

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat perancangan Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan projek *Carbon Capture, Utilisation and Storage* (CCUS) di Wilayah Persekutuan Labuan.

30. PN-1531-L11123
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pencapaian sektor pelancongan mulai tahun 2022 hingga kini dan kedudukan negara berbanding negara-negara lain di rantau Asia daripada segi kedatangan dan pendapatan daripada pelancong asing.
31. PN-1531-L10883
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada Hospital Sarikei bagi tujuan menaik taraf fasiliti hospital tersebut.
32. PN-1531-L11268
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci status Beras Putih Malaysia Madani sama ada 100 peratus beras putih tempatan atau terdapat campuran dengan beras putih import.
33. PN-1531-L10747
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status dan gambaran keseluruhan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia di dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang relevan kepada keutamaan pembangunan Malaysia.
34. PN-1531-L10907
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengharamkan penjualan *energy stick* yang semakin berleluasa dan merupakan bahan ketagihan yang baru buat remaja serta adakah ia mendapat kelulusan daripada *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum dipasarkan.
35. PN-1531-L11389
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah dan Sarawak bagi menyelaraskan undang-undang berkaitan projek *carbon capture and storage* (CCS) di Malaysia supaya tidak ada pertindihan bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

36. PN-1531-L11187

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek Rancangan Malaysia Ke-12 yang telah diluluskan, belum diluluskan dan projek lama (melebihi 5 tahun yang belum dilaksanakan) oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Kedah dan langkah segera pihak Kerajaan Persekutuan bagi merealisasikan projek rakyat ini.

37. PN-1531-L11306

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan dalam mengembalikan semula peperiksaan UPSR dan PMR.

38. PN-1531-L10777

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf jalan raya ke Pos Kemar Sungai Siput, Perak yang bermula dari RPC Kampung Bawong ke RPS Pos Kemar dan jika ia ingin dilaksanakan, bilakah pembinaan ini bermula.

39. PN-1531-L11401

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bentuk pemantauan fizikal yang dilaksanakan terhadap golongan peniaga yang masih menggunakan alat timbang yang tidak ditentusahkan dan apakah pendekatan ke arah menggalakkan budaya perniagaan yang beramanah khususnya dalam aspek sukatan serta penentuan harga akhir yang sentiasa dimanipulasi bagi tujuan keuntungan.

40. PN-1531-L10946

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pandangan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang untuk mewujudkan Akta Antipenipuan (*scam*) kerana ramai masyarakat Malaysia yang terkesan dalam penipuan dalam talian.

41. PN-1531-L11179

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan lagi sumbangan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) terhadap kemampuan kewangan negara.

42. PN-1531-L11367
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha Kementerian dalam memantau kandungan di media sosial yang berupaya memporak-perandakan kesejahteraan orang awam.
43. PN-1531-L10710
Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah perluasan tanaman kelapa yang sedang berlaku dijangka mampu mengurangkan kebergantungan kepada kelapa import.
44. PN-1531-L10819
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pembayaran fi yang dikenakan oleh Kerajaan kepada pekerja-pekerja asing yang mengirinkan wang ke negara asal masing-masing dan berapakah statistik jumlah Ringgit Malaysia yang dihantar ke luar negara pada tahun 2023.
45. PN-1531-L11394
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai penempatan semula 10,301 rumah setinggan di Johor.
46. PN-1531-L11075
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha diplomatik efektif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasi lambakan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pelarian 'Orang Hanyut' Rohingya yang telah lama mendatangkan masalah sosial kepada negara.
47. PN-1531-L10890
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengimbangi Kadar Dasar Semalaman (OPR) agar ia tidak akan terus menghimpit rakyat dengan kadar kenaikan bayaran pinjaman bulanan, dalam masa yang sama tidak akan terus menjatuhkan nilai Ringgit Malaysia.

48. PN-1531-L10978

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian memandangkan penjaja restoran di beberapa lokasi di Lembah Klang seperti Pusat Bandar Puchong meletakkan kerusi dan meja di atas jalan dan tidak mengendahkan keselamatan pengguna jalan raya dan pengunjung restoran tersebut.

49. PN-1531-L10812

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan statistik pecahan Jualan Rahmah mengikut daerah di Sarawak dan perancangan masa akan datang untuk memastikan Juala Rahmah sampai kepada penduduk pedalaman seperti di daerah Belaga, Sarawak.

50. PN-1531-L10921

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) ini dalam memastikan rakyat tidak tercicir untuk mendapatkan manfaat daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

51. PN-1531-L10757

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang telah diambil secara terancang untuk memenuhi ketetapan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) agar diterbitkan judul terbitan baharu setiap tahun berdasarkan nisbah 0.001 peratus daripada jumlah penduduk sebagai ukuran negara yang maju taraf pendidikannya.

52. PN-1531-L11152

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hasil keberkesanan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran daging negara selaras dengan sasaran 50% kadar sara diri (SSR) bagi bekalan daging negara menjelang 2025. Adakah kita akan dapat mencapai sasaran tersebut seperti yang diaspirasikan dengan pelan pihak Kementerian.

53. PN-1531-L11248

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan implikasi dan jaminan terhadap keselamatan penunggang motosikal khususnya dalam kalangan belia berhubung pendirian Kerajaan untuk menaik taraf lesen memandu motosikal kelas B2 kepada B secara automatik.

54. PN-1531-L11326
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah penyelesaian jangka pendek sederhana dan panjang dalam membantu rakyat menyerap beban kos sara hidup hari ini.
55. PN-1531-L11004
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah garis masa pembentangan Rang Undang-undang Anti-Ali Baba di Parlimen.
56. PN-1531-L11118
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini jumlah pakar perubatan berdasarkan nisbah setiap 10,000 penduduk dan apakah strategi Kementerian dalam usaha meningkatkan lagi jumlah pakar perubatan dalam negara bagi mencapai purata jumlah pakar perubatan yang ditetapkan *Organization of Economic Cooperation and Development (OECD)*.
57. PN-1531-L10649
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk Pusat Kajian Keterjaminan dan Teknologi Makanan yang boleh dijadikan sebagai sumber memperkukuhkan dasar-dasar Keterjaminan Makanan yang lebih berstruktur dan berperancangan jauh.
58. PN-1531-L11421
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program atau bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian kepada kaum wanita terutamanya ibu tunggal di negara ini.
59. PN-1531-L10679
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah ada perancangan tertentu oleh pihak Kerajaan supaya negeri-negeri yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) seperti Negeri Sembilan akan memperoleh manfaat berikutan jumlah sasaran kehadiran pelancong seramai 7 juta dari negara China pada tahun 2024.

60. PN-1531-L10785
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperluaskan lagi projek perintis *Mobile Mouth Screening Anywhere* (MeMoSA) ke seluruh kampung di Sarawak dimana sebelum ini saringan telah dilakukan di tiga kampung perintis iaitu Kampung Peros (Bau), Kampung Pasir Hulu (Lundu) dan Kampung Entangor (Sebuyau).
61. PN-1531-L11259
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan mengekalkan kelestarian jumlah guna tanah di Negeri Kedah untuk penanaman padi selaras dengan hasrat mencapai 100 tahap sara diri tercapai.
62. PN-1531-L11098
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah ketersediaan aplikasi MySejahtera bagi tujuan berkaitan kesihatan dan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menggunakan aplikasi ini pada masa hadapan.
63. PN-1531-L11209
Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM 11 juta untuk sambutan Hari Peneroka.
64. PN-1531-L10689
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menyelamatkan generasi yang tercicir dalam pendidikan dan merapatkan jurang pembelajaran di antara bandar dan luar bandar serta golongan berpendapatan tinggi dan rendah.
65. PN-1531-L10962
Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini berkenaan cadangan pemisahan Jabatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan adakah garis masa yang ditetapkan oleh Kementerian kepada pasukan petugas khas yang ditubuhkan untuk memastikan cadangan pemisahan ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

66. PN-1531-L10634

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kementerian untuk membendung masalah harga barang keperluan serta petrol dan diesel dijual dengan harga yang sangat mahal sekitar Sg. Asap; dan
- (b) jumlah operasi yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

67. PN-1531-L10990

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan pihak DBKL dalam usaha mengurangkan pengeluaran karbon dalam masa yang sama meningkatkan inovasi teknologi hijau dalam mengurus sistem pengangkutan bandar raya yang lebih efisien.

68. PN-1531-L11296

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memberi kelonggaran kepada teksi, kenderaan *e-hailing*, bas sekolah, bas persiaran dan bas pekerja agar diberi kebenaran khas untuk penggunaan cermin gelap kerana cuaca di Malaysia pada ketika ini yang semakin panas.

69. PN-1531-L10966

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan integrasi pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan pengajian akademik di peringkat pengajian tinggi bagi memastikan graduan TVET dapat meneruskan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.

70. PN-1531-L11279

Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat oleh pihak Kerajaan supaya tindakan yang telah dibuat oleh Nik Elin mencabar kompetensi Badan Perundangan Negeri Kelantan dalam menggubal undang-undang tidak berulang lagi ke atas negeri-negeri lain yang mempunyai peruntukan-peruntukan yang sama.

71. PN-1531-L11215

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan memberdayakan pertubuhan masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar lebih berdikari sebagaimana yang disasarkan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

72. PN-1531-L11048

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kredibiliti Bahagian Pematuhan Perundangan (Undang-undang Persaingan dan Perdagangan) Petronas ditonjolkan dalam merencana kemapanan perniagaan Petronas di peringkat global dalam era Malaysia Madani dan berapakah emolumen tetap bulanan yang dibayar serta manfaat yang disediakan kepada ketua bahagian tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(26 Mac 2024)

- | | | | | |
|----|------------------|---|-----------------------|--------------------------------|
| 2. | *(D.R.41/2023) | Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Perdana Menteri] | | |
| 3. | *(D.R.4/2024) | Rang Undang-undang Tambahan (2023) 2024 | Perbekalan | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | | |
| 4. | *(D.R.5/2024) | Rang Undang-undang (Penguntungan Semula Perbelanjaan) 2024 | Perbekalan Peruntukan | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | | |

5. *(D.R.6/2024) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024
Bacaan Kali Kedua di DR
[Menteri Dalam Negeri]
6. *(D.R.39/2023) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023
Bacaan Kali Kedua di DR
[Menteri Pendidikan Tinggi]
7. (D.R.40/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023
Bacaan Kali Kedua dan Ketiga
[Perdana Menteri]
8. *(D.R.38/2023) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023
Bacaan Kali Kedua di DR
[Perdana Menteri]
9. *(D.R.37/2023) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Permerbadanan) (Pindaan) 2023
Bacaan Kali Kedua di DR
[Menteri Kerja Raya]
10. *(D.R.2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024
Bacaan Kali Kedua di DR
[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]
11. *(D.R.35/2023) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023
Bacaan Kali Kedua di DR
[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

- | | | | |
|-----|-----------------|--|-------------------------------------|
| 12. | *(D.R.1/2024) | Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 13. | *(D.R.3/2024) | Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 14. | *(D.R.7/2024) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] | |
| 15. | (D.R.28/2023) | Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 | Bacaan Kali Kedua dan Ketiga |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |
| 16. | (D.R.29/2023) | Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Kedua dan Ketiga |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
D.N.1/2024	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Dewan Negara	27 Mac 2024